



Teks Ucapan Perasmian

Oleh

**Yang Berusaha Puan Ruziah binti Shafei
Timbalan Ketua Setiausaha
(Perancangan & Pembudayaan Sains)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**

Sempena

**Majlis Perasmian
Seminar dan Bengkel Penulisan &
Penerbitan Saintifik 2024**

Pada

6 Ogos 2024, 9.00 Pagi

Di

Hotel Pacific Regency Beach Resort, Port Dickson

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

- 1. Yang Berusaha Dr. Rosli bin Darmawan**
Ketua Pengarah
Agensi Nuklear Malaysia
- 2. YBrs. Dr. Hazami bin Jahari**
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- 3. Puan Hazami binti Habib**
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi Sains Malaysia
- 4. YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin**
Timbalan Ketua Pengarah
Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi
Agensi Nuklear Malaysia
- 5. YBrs. Dr. Nor Pa'iza bin Mohamad Hasan**
Pengarah Bahagian Teknologi Industri
Agensi Nuklear Malaysia merangkap
Pengerusi Jawantankuasa Penganjur Seminar dan
Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2024
- 6. Ketua-ketua jabatan dan agensi**
- 7. Pembentang – pembentang kertas kerja**
- 8. Para peserta dan hadirin yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

PENDAHULUAN

- Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2024** pada pagi ini.
- Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan peserta seminar sekalian kerana dapat hadir untuk sama-sama menjayakan Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2024.
- Seminar hari ini adalah anjuran Agensi Nuklear Malaysia, agensi di bawah MOSTI dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) serta disokong oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), PTS Media Group (PTS), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan Majalabsains.com.
- Alhamdulillah juga, pada tahun ini, di lihat penganjuran seminar yang memasuki kali ke-14 ini dapat dilaksanakan. Syabas diucapkan kepada pihak penganjur, rakan kerjasama dan semua agensi sokongan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SAINS, TEKNOLOGI, INOVASI, EKONOMI (STIE)

- **"Memperkasakan Penulisan Saintifik Memacu Masyarakat Madani"**, tema seminar yang di pilih ini sangat relevan dengan keperluan masyarakat Malaysia masa kini. Membina sebuah masyarakat yang maju dari segi pemikiran dan kerohanian. Melalui pengkaryaan bahan penulisan tempatan berkaitan Sains dan teknologi akan meransang kefahaman dan celik mata masyarakat terhadap ilmu Sains dan teknologi.
- Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) memainkan peranan penting sebagai pemboleh daya bagi memacu pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam menangani isu dan cabaran negara. Di bawah Dasar Sains, Teknologi, Inovasi Negara (DSTIN) 2021- 2030 telah memperkenalkan konsep Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) bagi menunjukkan kepentingan aspek pembangunan STI sebagai asas dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara.
- Bagi memantapkan peranan STIE, keperluan kepada penyelarasan, pemahaman dan pembangunan dalam pelbagai bidang sains dan teknologi amat mendesak kerana ia berupaya untuk mewujudkan dan memperkukuhkan asas untuk berinovasi serta mengaplikasikan sains dan teknologi bagi memacu ekonomi negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PROGRAM PEMBUDAYAAN STIE

- Usaha pihak MOSTI telah memperkenalkan pelbagai program pembudayaan Sains, Teknologi, Inovasi untuk meningkatkan kesedaran dan membudayakan inovasi dalam kalangan masyarakat melalui Program Jangkauan di bawah payung Sitech4u seperti Minggu Sains Negara, STEM Camp, Kembara Sains Borneo dan Malaysia Techlympics.
- Pelaksanaan program pembudayaan STI mendokong aspirasi MOSTI untuk “Merakytakan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi” selari dengan agenda Malaysia MADANI dalam membangunkan bakat STI yang adaptif bagi memenuhi keperluan industri khususnya dalam sector teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), internet kebendaan (IoT), robotik, *blockchain*, data raya dan sebagainya. Selain program berbentuk *hands on* dan aktiviti sains yang myeronokkan, turut diberi penekannan dalam program pembudayaan STI adalah berkaitan komunikasi sains. Antaranya melalui penulisan saintifik iaitu pertandingan menulis Esei Sains dan Teknologi Nuklear peringkat kebangsaan.
- Pertandingan Menulis Esei Sains dan Teknologi Nuklear ini yang diterajui oleh Nuklear Malaysia, Jabatan Tenaga Atom dan Pusat Sains Negara dilihat sebagai satu inisatif bagi memupuk dan menonjolkan bakat menulis dan idea kreatif pelajar, graduan dan masyarakat umum kepada penulisan saintifik ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENULISAN DAN PENERBITAN

- Penulisan bermula daripada sebuah idea atau gagasan. Daripada situ, para penyelidik akan mengembangkannya kepada penyelidikan demi memahami sesuatu fenomena atau menguji sesuatu teori, serta mencipta penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Idea tersebut perlu dimanifestasikan melalui penulisan yang sesuai dan difahami oleh golongan sasaran.
- Penulisan manuskrip yang baik perlu seimbang dari segi aspek peristilahan supaya walaupun maklumat yang ingin disampaikan adalah berat dan bersifat teknikal pada dasarnya, ia sedikit sebanyak tetap dapat difahami oleh khalayak umum. Para penyelidik mahu pun pengkarya daripada pelbagai bidang mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menyediakan medium ilmu dalam bentuk penulisan bagi menyebarkan hasil kajian kepada masyarakat. Di samping itu, hasil penyelidikan yang dapat diterjemahkan melalui tulisan saintifik yang sesuai dapat menarik minat anak-anak muda zaman ini untuk menceburi bidang sains.
- Penyemarakan budaya membaca adalah selari dengan hasrat kerajaan yang sedang memacu Malaysia ke arah Negara Membaca 2030. Oleh itu, setiap organisasi perlu tekal dalam membentuk ekosistem membaca yang sihat serta memupuk budaya penulisan dalam kalangan warga akademik dan para penyelidik serta masyarakat. Bahkan, usaha ini perlu dipastikan agar berterusan menjadi amalan sepanjang hayat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

BAHASA KEBANGSAAN

- Kita menyambut baik saranan YAB **Perdana Menteri**, sebagaimana yang diucapkan dalam ucapan beliau semasa peluncuran Karnival Dekad Bahasa Kebangsaan dan Dekad Membaca Kebangsaan 2023, yang telah menyeru agar penggunaan Bahasa Melayu dalam semua surat rasmi dalam urusan kerajaan bagi memelihara identiti kebangsaan, selain untuk mempererat perpaduan rakyat. Ini sekali gus memelihara kedaulatan dan kedudukan Bahasa Melayu, serta dapat mempromosikan kepentingan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan memerlukan sokongan dan komitmen daripada segenap anggota masyarakat bukan sahaja peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita sebagai rakyat Malaysia perlu sedar bahawa penggunaan bahasa, baik Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab atau apa-apa bahasa sekalipun, haruslah digalakkan bermula dengan paksi dan keutamaan Bahasa Melayu.
- Kepentingan penggunaan bahasa kebangsaan dalam penyampaian ilmu secara meluas kepada rakyat dapat dilihat di Jepun, Korea dan Republik Rakyat China yang telah menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada seluruh masyarakat. Penyampaian ilmu secara meluas dengan menggunakan perantaraan bahasa kebangsaan rakyat itu dapat memudahkan pembelajaran dan

pemahaman, sekali gus mampu mengangkat martabat bahasa, bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

KOLABORASI STRATEGIK

- Para penyelidik dan cendekiawan daripada seluruh fraterniti penyelidikan dan akademik umumnya, perlu menggalas tanggungjawab dalam usaha menyebarkan hasil kajian bermanfaat kepada masyarakat. Penyebaran hasil kajian ini perlu dilakukan dengan menghasilkan karya yang bermutu tinggi, tetapi pada masa yang sama dapat difahami oleh masyarakat.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga mempunyai peranan penting bagi memartabatkan kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, supaya lebih banyak perkataan daripada Bahasa Melayu dihasilkan di dalam bidang-bidang yang dinamik dan pesat berkembang seperti bidang sains, teknologi, multimedia dan komunikasi.
- Saya dimaklumkan bahawa kerjasama strategik diantara DBP dan Nuklear Malaysia sejak 2013 hingga kini telah membawa terhasilnya banyak penerbitan buku, artikel, glosari dan ensiklopedia dalam bidang sains nuklear dalam Bahasa Melayu.
- Dalam kita hendak memastikan karya atau makalah yang diterbitkan mempunyai kredibiliti dan bermutu tinggi, selain bakat diri, perlu ada latihan dan bimbingan yang betul serta proses penyuntingan yang ketat hendaklah dilaksanakan. Nuklear Malaysia turut mencatat

pencapaian sebanyak 603 buah penerbitan bagi tahun 2023 merangkumi jurnal, artikel, buku dan sebagainya.

- Oleh itu, sebagai usaha yang berterusan, kolaborasi di antara kerajaan, industri, ahli akademik dan masyarakat untuk menerbitkan hasil karya masing-masing perlulah digalakkan bagi melengkap fungsi dan misi masing-masing, disamping dapat mengekalkan ilmu-ilmu tersebut sebagai khazanah penting negara yang tidak ternilai harganya.
- Saya ingin menyeru semua penyelidik dan cendekiawan yang hadir pada hari ini untuk menulis dan menerbitkan seberapa banyak karya melalui kerjasama penerbitan sebegini. Ini kerana penulisan dan penerbitan karya merupakan salah satu aspek penting dalam aktiviti penyelidikan yang mampu menjadi medium penyebaran ilmu dan sebagai salah satu kaedah untuk mengelakkan kehilangan ilmu tersebut.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

PENUTUP

- Saya amat berharap agar para peserta dapat mengambil peluang untuk menjadikan seminar ini sebagai medan perantaraan untuk bertemu dengan pakar tempatan dan bertukar-tukar buah fikiran untuk meneroka peluang penulisan dan penerbitan yang luas. Selain tu, diharapkan juga agar para peserta dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik yang dinamik, kreatif dan bermaklumat yang sekali gus dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

- Dengan adanya seminar seumpama ini, saya percaya para karyawan akan lebih bersemangat untuk menjadi lebih produktif untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu disamping dapat menggilap bakat penulis baharu. Saya juga berharap agar program ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat memberikan inspirasi dan input yang berguna kepada hadirin sekalian.
- Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Agensi Nuklear Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka serta agensi sokongan di atas penganjuran seminar hari ini.
- Akhir kalam, dengan lafaz **Bismillahirrahmannirrahim**, saya merasmikan **Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Sainifik 2024**.

Selamat Berseminar dan Berbengkel.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamulaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.